

APLIKASI PENDEKATAN *GROUNDED THEORY* DAN PENGEKODAN (*CODING*) DALAM ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA KUALITATIF

Zalmizy Bin Hussin
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia, 11700 Minden, Penang.
zalmizy@gmail.com

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengaplikasi pendekatan *Grounded Theory* dan pengkodan (*coding*) dalam analisis dan interpretasi data kualitatif. *Grounded Theory* merupakan satu diantara pendekatan yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif. Kejayaan kajian kualitatif banyak ditentukan pada pemilihan teknik atau kaedah yang tipikal dengan keadaan lapangan melalui data yang berjaya dikumpulkan. Pada asasnya, kegiatan pengumpulan dan analisis data dalam *Grounded Theory* adalah proses yang saling berkaitan erat, dan harus dilakukan secara bergilir-gilir (kitaran). Aktiviti analisis dalam kajian kualitatif dilakukan dalam bentuk pengkodan (*coding*). Pengkodan merupakan proses penguraian data, pengkonsepkan, dan penyusunan kembali dengan cara baru. Tujuan pengkodan dalam kajian *Grounded Theory* adalah untuk: a) menyusun teori, b) memberikan ketepatan proses penyelidikan, c) membantu penyelidik mengatasi bias dan andaian yang keliru, dan d) memberikan landasan, memberikan kepadatan makna, dan mengembangkan kepekaan untuk menghasilkan teori. Huraian kertas kerja ini terbahagi kepada dua bahagian, *pertama*, memberikan definisi dan ciri-ciri *Grounded Theory* yang dipelopori oleh (Strauss & Corbin, 1990), dan *kedua*, menghuraikan tiga jenis proses analisis data menurut Strauss dan Corbin iaitu, pengkodan terbuka (*open coding*), pengkodan paksi (*Axial Coding*), dan pengkodan terpilih (*selective coding*).

Kata kunci: *Metodologi kajian kualitatif, pendekatan Grounded Theory, Pengkodan (coding)*

PENDAHULUAN

Grounded theory atau teori asas merupakan salah satu model pendekatan penyelidikan kualitatif yang sedang berkembang sangat pesat beberapa tahun terakhir ini, baik dari sisi kuantiti maupun bidang kajian yang menggunakannya, dari yang semula di bidang sosiologi saja sekarang sudah berkembang ke bidang-bidang lain, seperti pendidikan, ekonomi, antropologi, psikologi, bahasa, komunikasi, politik, sejarah, agama dan sebagainya.

Kajian jenis ini (*grounded*) dibangunkan pada tahun 1967 oleh Barney G. Glaser dan Anselm L. Strauss dengan diterbitkannya buku berjudul *The Discovery of Grounded Theory Strategies for Qualitative Research* menyatakan “*We believe that the discovery of theory from data-which we call grounded theory-is a major task confronting sociology today, for, as we shall try to show, such theory fits empirical situations, and is understandable to sociologists and layman alike*”. Ini merupakan pertama kali istilah *Grounded Theory* (GT) diperkenalkan. Teori ini dipakai sebagai

alat untuk memahami gejala atau fenomena hingga data yang diperoleh. Andaian, tanpa teori sebagai sebuah perspektif, penyelidik tidak akan mampu memahami gejala untuk memperoleh makna (*meaning*), sehingga boleh jadi gejala yang penting pun untuk menjawab masalah kajian meninggalkannya begitu saja kerana penyelidik mempunyai kelemahan atau kekurangan wawasan mengenai tema yang diteliti, baik secara teoretik atau yang disebut sebagai perspektif teoretik dan wawasan empirik yang diperolehi dari pengesanan kajian atau penyelidikan sebelumnya.

Grounded Theory (GT) adalah metodologi penyelidikan kualitatif yang menekankan penemuan teori dari data pemerhatian empirik di lapangan dengan kaedah induktif (termasuk teori dari sejumlah data), generatif iaitu penemuan atau pembinaan teori menggunakan data sebagai evidensi, konstruktif mencari pembinaan teori atau kategori melalui analisis dan proses mengabstraksi, dan subjektif iaitu membina semula tafsiran dan pemaknaan hasil kajian berdasarkan konseptualisasi masyarakat yang dijadikan sebagai subjek kajian. GT fokus pada gerakan teori pembinaan dan pengesahan. GT disebut juga dengan *local theory*, *patterned theory* yang bersifat *open ended* dapat diperluaskan tanpa batas. Penyelidik GT harus terlibat secara langsung dengan dunia yang diteliti untuk memastikan hasil “*grounded*” dari masyarakat yang diteliti. Inti dari proses GT dalam membangkitkan teori menurut Aidah (2008) adalah constant comparison iaitu isu-isu penting yang memikat perhatian dalam GT adalah perwakilan dari penemuan dijelaskan dengan *confirmability*, keterulangan dari penemuan dijelaskan dengan diharapkan/*auditability*, kekuatan metodologinya dijelaskan dengan *internal consistency*, dan kemampuan generalisasi diterangkan dengan *transferability*.

OBJEKTIF

Kertas kerja ini mencapai beberapa objektif seperti berikut:

- a) Menerangkan pengertian pendekatan *Grounded Theory* (GT).
- b) Menerangkan ciri-ciri *Grounded Theory* (GT).
- c) Menerangkan pengertian dan prosedur pengkodan (*coding*) *Grounded Theory* (GT) dalam analisis dan interpretasi data kualitatif.

DEFINISI KONSEP

Grounded Theory

Menurut Strauss dan Corbin (1990: 23) *grounded theory*: “*is one that inductively derived from the study of the phenomenon it represents. That is it discovered, developed, and provisionally verified through systematic data collection and analysis data pertaining to that phenomenon. Therefore, data collection, analysis, and theory stand in reciprocal relationship with each other. One does not begin with a theory, than prove it. Rather, one begins with an area of study and what is relevant to that area is allowed to emerge*”. Strauss dan Corbin (1994) menambah:

“In this approach, researchers are responsible for developing other theories that emerge from observing a group. The theories are “grounded” in the group’s observable experiences, but researchers add their own insight into why those experiences exist. In essence, grounded theory attempts to “reach a theory or conceptual understanding through stepwise, inductive process” (halaman 273-274).

Manakala, dari sudut tujuan dan perspektif Grounded Theory pula, Strauss & Corbin (1994: 273-274) menjelaskan:

- *“The phrase “grounded theory” refers to a theory that is developed inductively from a corpus of data. If done well, this means that the resulting theory at least fits one dataset perfectly. This contrasts with theory derived deductively from grand theory, without the help of data”.*
- *“Grounded theory takes a case rather than variable perspective, although the distinction is nearly impossible to draw. This means in part that the researcher takes different cases to be wholes, in which the variables interact as a unit to produce certain outcomes. A case-oriented perspective tends to assume that variables interact in complex ways, and is suspicious of simple additive models, such as ANOVA with main effects only”.*

Selanjutnya, rumusan mengenai tujuan dan perspektif *Grounded Theory* sebagai berikut:

“Although not part of the grounded theory rhetoric, it is apparent that grounded theorists are concerned with or largely influenced by emic understandings of the world: they use categories drawn from respondents themselves and tend to focus on making implicit belief systems explicit”.

Dari penjelasan-penjelasan tersebut di atas dapat ditarik kesimpulan bahwa *Grounded Theory* (GT) adalah suatu yang bersifat konseptual atau teori sebagai hasil pemikiran induktif dari data yang dihasilkan dalam penelitian mengenai suatu fenomena. Atau suatu teori yang dibangun dari data suatu fenomena dan dianalisis secara induktif, bukan hasil pengujian teori yang telah ada. Untuk menganalisis data secara induktif diperlukan kepekaan teori (*theoretical sensitivity*).

Ciri-ciri Grounded Theory (GT)

Dari penjelasan-penjelasan Strauss dan Corbin tentang *grounded theory* tersebut di atas juga dapat ditarik kesimpulan tentang ciri-ciri *grounded theory* sebagai berikut:

- a) *Grounded theory* dibina dari data tentang suatu fenomena, bukan suatu hasil pembangunan teori yang sudah ada.
- b) Penyusunan teori tersebut dilakukan dengan analisis data secara induktif bukan secara deduktif seperti analisis data yang dilakukan pada kajian kuantitatif.
- c) Agar penyusunan teori menghasilkan teori yang benar disamping harus dipenuhi 4 (empat) kriteria iaitu: sesuai (*fit*), difahami (*understanding*), generalisasi umum (*generality*), pengawasan (*control*), juga diperlukan dimilikinya kepekaan teoretik (*theoretical sensitivity*) dari si penyelidik. Kepekaan teori adalah kualiti peribadi si

penyelidik yang mempunyai pengetahuan yang mendalam sesuai bidang yang diteliti, mempunyai pengalaman penyelidikan dalam bidang yang relevan. Dengan pengetahuan dan pengalamannya tersebut si penyelidik akan mampu memberi makna terhadap data dari suatu fenomena atau kejadian dan peristiwa yang dilihat dan didengar selama pengumpulan data. Selanjutnya si penyelidik mampu menyusun kerangka teori berdasarkan hasil analisis induktif yang telah dilakukan. Setelah dibandingkan dengan teori-teori lain boleh disusun teori baru.

- d) Kemampuan penyelidik untuk memberi makna terhadap data sangat dipengaruhi oleh kedalaman pengetahuan teoretik, pengalaman dan kajian dari bidang yang relevan dan banyaknya sastera yang dibaca. Hal-hal tersebut menyebabkan si penyelidik mempunyai maklumat yang kaya dan peka atau sensitif terhadap kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa dalam fenomena yang diteliti.

METODOLOGI PERLAKSANAAN

Pengertian dan prosedur pengkodan (*Coding*)

Pengertian *Coding*

Coding pada dasarnya merupakan proses analisis data, iaitu data diperincikan, dikonsepskan dan diletakkan kembali bersama-sama dalam cara baru. Ini merupakan proses sentral di mana teori-teori dibentuk dari (Strauss & Corbin, 1990: 57).

Prosedur *Coding*

Apa yang menjadikan proses coding sedemikian menarik dalam pembangunan *grounded theory*? Apa yang membuatnya berbeza dari kaedah-kaedah analisis yang lain? Iaitu bahawa kaedah ini mempunyai tujuan yang lebih luas, tidak hanya membolehkan penyelidik memberikan beberapa tema, atau mengembangkan rangka kerja deskriptif yang teorinya berdasarkan konsep-konsep yang terjalin secara longgar. Menurut Strauss dan Corbin (1990: 57) prosedur analisis dalam *grounded theory* direka sebagai berikut:

- a) Membina teori lebih daripada sekadar menguji pada teori.
- b) Memberikan proses kajian suatu kepastian / keketatan yang diperlukan untuk membuat teori menjadi ilmu pengetahuan “yang baik”.
- c) Membantu penganalisaan yang bebas dari bias-bias dan andaian-andaian yang terbawa, dan yang boleh berkembang selama proses kajian berlangsung.
- d) Memberikan dasar atau alas (*grounding*), membina kepaduan, dan mengembangkan kepekaan dan integrasi yang diperlukan untuk menghasilkan teori yang kaya, tersusun secara ketat (*tightly woven*), penerangan teori yang lebih mendekati kenyataan / realiti yang ada.

Untuk mencapai tujuan atau maksud tersebut diperlukan adanya keseimbangan antara kreativiti, ketepatan (*rigor*), ketekunan dan kepekaan teoritik (*theoretical sensitivity*). Ini merupakan gabungan beberapa kualiti yang tidak mudah, namun semuanya itu jelas diperlukan pada bila-bila pun kajian dilakukan. Walaupun biasanya tidak boleh diharapkan bahawa penyelidik pemula

dapat menghasilkan penemuan besar, tetapi dengan usaha keras dan ketekunan penyelidik akan mampu memberikan sumbangan pada bidang kajiannya. Analisis dalam *grounded theory* terdiri atas 3 (tiga) jenis utama coding, iaitu: a) pengekodan terbuka (*open coding*), b) pengekodan paksi (*axial coding*), c) pengekodan terpilih (*selective coding*).

Sebelum dihuraikan lebih lanjut apa itu pengekodan (*coding*), terdapat 4 (empat) perkara penting yang perlu diketahui, iaitu:

- a) Melakukan analisis sesungguhnya adalah membuat interpretasi. Ada alasan yang bagus untuk itu, seperti yang dikemukakan oleh Diesing (1971: 14) seorang ahli falsafah ilmu pengetahuan: “Sesungguhnya ilmu pengetahuan ilmiah sebahagian besar merupakan penemuan atau pembangunan, bukan peniruan; konsep, hipotesis, dan teori tidak ditemui dalam keadaan sudah dibuat oleh kenyataan tetapi harus dibina”.
- b) Walaupun ditetapkan prosedur dan teknik tetapi sama sekali tidak dimaksudkan agar penyelidik hanya terpaku pada prosedur dan teknik tersebut. Diesing (1971: 14) mengemukakan: “Prosedur tidak bersifat mekanistik atau automatik, bukan pula sebuah algoritma yang dijamin dapat memberikan hasil. Prosedur dan teknik hanya dilaksanakan secara fleksibel mengikut situasi, dan pelbagai alternatif boleh didapati dalam tiap langkah”.
- c) Teknik umum yang merupakan inti dari semua prosedur pengekodan untuk membantu penggunaan prosedur agar menjadi fleksibel adalah penyerahan soalan. Penyelidik harus mengajukan soalan semasa melakukan penyelidikan. Agar fenomena dapat difahami dengan baik, penyelidik dituntut mengajukan banyak soalan, berkaitan dengan fenomena yang sedang dikaji, termasuk ciri-ciri, dimensi, dan komponen-komponen paradigma fenomena tersebut.
(*Catatan penulis: soalan kajian dalam penyelidikan kualitatif tidak hanya digunakan dalam usaha mendapatkan pemahaman yang mendalam dari permasalahan yang diteliti, tetapi dalam konteks grounded theory, soalan digunakan dalam rangka mencari konsep-konsep yang sama guna penyusunan kategori-kategori, mencari ciri-ciri yang sama guna penyusunan dimensi-dimensi sebagai dasar-dasar penyusunan teori*)
- d) Disyorkan untuk mempelajari semua prosedur pengekodan secara lebih terperinci. Setiap prosedur harus difahami sebelum menuju proses selanjutnya, dengan demikian dimiliki pemahaman yang lebih baik. Apabila prosedur ini difahami dan diamalkan dengan baik, maka pengekodan itu akan menjadi alat kajian yang benar-benar berkesan.

Justeru, *coding* adalah sangat memberi manfaat untuk memperincikan, menyusun konsep (*conceptualized*) dan membincangkan kembali semuanya itu dengan cara baru. Ini merupakan cara yang terkawal di mana teori dibina dari data. Konseptualisasi atau membina konsep atau teori berdasarkan data ini merupakan hal yang sangat khusus dari proses coding dalam mengembangkan suatu *grounded theory*. Hal ini juga membuat berbeza dari analisis-analisis lain seperti yang telah dikemukakan dalam bab pendahuluan. Perbezaan tersebut merupakan usaha memperluaskan cara yang membolehkan penyelidik mendapatkan beberapa tema atau mengembangkan keterangan kerangka teori yang berkaitan dengan konsep-konsep.

Proses Pengekodaan (*Coding*)

Menurut Strauss dan Corbin, analisis dalam *grounded theory* terdiri atas 3 (tiga) jenis utama coding, yaitu: a) pengekodan terbuka (*open coding*), b) pengekodan paksi (*axial coding*), c) pengekodan terpilih (*selective coding*). Teori yang dibina berdasarkan ketiga-tiga jenis *coding* tersebut harus dilakukan secara serentak dalam kajian.

Pengekodan Terbuka (Open Coding)

Adalah proses memperincikan, menguji, membandingkan, konseptualisasi, dan melakukan bentuk kategori data.

a) *Istilah yang akan digunakan* dalam penjelasan pengekodan terbuka (*open coding*), yaitu:

- 1) Konsep - merupakan label konsep yang diberikan pada kejadian-kejadian, peristiwa-peristiwa yang berlainan, dan hal-hal lain fenomena lain.
- 2) Kategori - merupakan klasifikasi konsep. Klasifikasi ini dibuat pada masa konsep-konsep diperbandingkan satu dengan yang lain yang berkaitan dengan fenomena yang sama. Kemudian konsep-konsep tersebut dikumpulkan secara bersama-sama dalam suatu tahap yang lebih tinggi, yaitu konsep yang lebih abstrak yang disebut kategori.
- 3) Pengekodan - proses analisis data.
- 4) Pencatatan kod - hasil pengekodan. Ini merupakan sebuah bentuk memo.
- 5) Pengekodan terbuka - proses perincian, ujian, perbandingan, pengonsepan dan pengkategorian data.
- 6) Ciri-ciri - sifat-sifat atau ciri-ciri yang berkenaan dengan suatu kategori.
- 7) Dimensi - lokasi ciri sepanjang suatu garis kontinum.
- 8) Dimensionalisasi - proses perincian ciri-ciri ke dalam dimensi-dimensinya.

Dalam huraian selanjutnya akan dikemukakan contoh konkrit bagaimana melakukan pelabelan, penyusunan dan penamaan kategori, pembangunan kategori mengikut ciri dan dimensi.

b) Pelabelan Fenomena

Strauss & Corbin memberikan contoh tentang pelabelan fenomena sebagai berikut:

Anda berada dalam sebuah restoran yang cukup mahal tetapi popular. Restoran tersebut terdiri dari bangunan bertingkat tiga. Tahap pertama untuk bar, tingkat dua untuk ruang makan kecil-kecil, tingkat tiga untuk ruang makan utama dan dapur. Dapur tersebut terbuka, sehingga anda dapat melihat apa sahaja yang sedang berlaku. Anda melihat ada seorang wanita berpakaian merah. Ia hanya berdiri di dapur, tetapi menurut akal sehat tidak mungkin pemilik restoran menggaji seseorang hanya untuk berdiri. Rasa ingin tahu anda terusik, dan anda memutuskan untuk melakukan analisis induktif untuk mencari tahu apa sesungguhnya pekerjaan wanita tersebut. Anda memperhatikan bahawa wanita tersebut sedang memperhatikan secara serius sekeliling dapur, juga tempat para juru masak (chef) bekerja dan wanita tersebut juga memperhatikan secara teliti apa yang sedang berlaku. Lalu anda memberikan label "memperhatikan" ("watching"). Selanjutnya datang seseorang padanya dan

mengajukan soalan, dan wanita berbaju merah tadi menjawab. Anda memberi label “penyampaian maklumat” (“information passing”). Wanita tersebut kelihatan memperhatikan segala sesuatu yang ada di dapur dan di ruang makan lalu anda memberikan label “pemerhati” (“attentiveness”). Wanita berbaju merah tadi berjalan dan memberi tahu seseorang pegawai yang membawa makanan sehingga anda memberi label “penyampaian maklumat” (“information passing”). Walaupun ia berdiri ditengah-tengah kegiatan para pekerja, ia tidak kelihatan melakukan campur tangan misalnya mengambil alih pekerjaan dari para pekerja, sehingga anda memberi label “tidak campur tangan” (“unintrusiveness”). Selanjutnya wanita tersebut berjalan memperhatikan setiap orang dan segala sesuatu, sehingga anda memberi label “memantau” (“monitoring”). Kelihatannya ia memperhatikan kualiti perkhidmatan, memperhatikan bagaimana pelayan berinteraksi dengan pelanggan, memperhatikan bagaimana pekerja bertindak balas pelanggan, masa perkhidmatan, berapa lama masa yang diperlukan pelanggan duduk sampai menyampaikan pesanan, memperhatikan pekerja menghantar makanan, memperhatikan respon pelanggan, kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diterima.

Selanjutnya pelayan datang dengan pesanan untuk pesta besar, wanita berbaju merah tadi bergerak untuk membantu beliau, ia “menawarkan bantuan” (“providing assistance”). Wanita tadi kelihatan seolah-olah ia tahu betul apa yang sedang ia lakukan, dan ia mempunyai kompetensi / kemampuan untuk itu, ini bermakna ia “berpengalaman” (“experienced”).

Ia berjalan menuju tembok dekat dapur dan memperhatikan apa yang ada pada jadual, bermakna ia melakukan “pengumpulan maklumat” (“information gathering”).

c) Penemuan dan Penamaan Kategori

Selanjutnya label-label dari pelbagai konsep tersebut harus dikumpulkan ke dalam konsep yang lebih abstrak. Konsep yang lebih abstrak ini merangkumi seluruh konsep sejenis yang di bawahnya (kurang abstrak). Proses pengelompokkan konsep yang sama disebut bentuk kategori. Contoh konkrit kegiatan-kegiatan wanita berbaju merah tersebut di atas yang melakukan kegiatan memperhatikan (*watching*) sekeliling dapur, memberikan maklumat (*information passing*) kepada para pengunjung, memperhatikan (*attentiveness*) segala sesuatu yang ada di dapur dan di ruang makan. Memantau (*monitoring*) iaitu memperhatikan setiap orang dan segala sesuatu yang terjadi, termasuk memperhatikan kualiti perkhidmatan, memperhatikan bagaimana pegawai berinteraksi dengan pelanggan, petugas bertindak balas pelanggan, masa perkhidmatan, berapa lama masa yang diperlukan pelanggan mulai dari duduk sampai menyampaikan pesanan. Juga memperhatikan petugas menghantar makanan, memperhatikan respon pelanggan, kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diterima. Semua kegiatan tersebut di atas boleh dikategorikan ke dalam konsep yang lebih abstrak iaitu memantau (*monitoring*). Sedang bahawa wanita yang berbaju merah mempunyai kemampuan atau kompetensi sehingga ia diberi label “berpengalaman” (“*experienced*”) tidak boleh dimasukkan ke dalam kategori monitoring.

Di samping melakukan pemantauan, wanita berbaju merah juga melakukan kegiatan menilai dan memperhatikan atau menjaga jalannya pekerjaan. Kerana pekerjaannya berkaitan dengan makanan, maka menilai dan menjaga jalannya pekerjaan tersebut diberi label pengatur makanan. Selanjutnya label “pengatur makanan”, label “tidak campur tangan” dan label “berpengalaman” dikategorikan ke dalam konsep yang lebih abstrak iaitu “pengaturan makanan yang baik”. Kategori “pengaturan makanan yang baik” dan kategori “*monitoring*” boleh dikategorikan ke dalam konsep yang lebih abstrak lagi iaitu “pengawas restoran yang baik”, kerana pekerjaan memonitori dan mengatur makanan dilakukan dalam konteks rumah makan atau restoran.

d) Penyusunan Kategori berdasarkan Ciri-ciri dan Dimensi

Selanjutnya pembangunan kategori mengikut ciri-ciri (*properties*) dan dimensi-dimensi dilakukan sebagai berikut: Ciri dan dimensi merupakan hal yang penting untuk difahami dan dikembangkan kerana ciri dan dimensi itu membentuk dasar untuk membuat hubungan antara kategori dengan sub-kategori. Ciri dan dimensi ini juga diperlukan untuk melakukan analisis melalui *grounded theory*. Contoh ciri dan dimensi dari kegiatan wanita berbaju merah dapat dijelaskan sebagai berikut:

Telah diketahui ternyata bahawa wanita berbaju merah adalah bukan wanita misteri tetapi wanita yang mempunyai kerjaya pengurus makanan. Kegiatan-kegiatan wanita berbaju merah diberikan kategori “pengurus makanan” paling tidak memberi kesan ia bukan pelanggan yang mungkin juga berbaju merah. Dari kategori dapat diperincikan dalam subkategori dari jenis pekerjaannya, iaitu: mengamati, memantau, membantu, melihat jadual, memberikan maklumat, dan lain sebagainya. Selanjutnya dari setiap subkategori misalnya subkategori mengamati dapat dilihat dari frekuensinya, tempoh waktunya, bagaimana kerja itu dilakukan, siapa saja yang terlibat, dan lain sebagainya. Dari segi kekerapan boleh didimensionalkan dengan membuat soalan: “Berapa kerap ia mengamati pekerjaan tersebut?” Dari soalan dapat diperoleh jawapan sering sekali, sering, jarang, jarang sekali dan lain sebagainya. Mengamati juga dapat dilihat dari dimensi kepentingannya. Apakah kepentingannya rendah atau tinggi. Mengamati juga dapat dilihat dari dimensi tempoh waktunya iaitu: lama atau sebentar. Demikian juga subkategori memberikan maklumat dapat dilihat dari dimensi sedikit atau banyak maklumat yang diberikan, dimensi cara memberikan maklumat: dengan cara bertulis atau lisan, secara terbuka atau tertutup, dengan suara lantang atau lembut.

Pengekodan Berpaksi (*Axial Coding*)

Adalah suatu peranti prosedur di mana data dikumpulkan kembali bersama dengan cara baru selepas *open coding*, dengan membuat kaitan antara kategori-kategori. Ini dilakukan dengan menggunakan landasan berfikir (paradigma) *coding* yang meliputi keadaan-keadaan, konteks-konteks, aksi strategi-strategi interaksi dan kesan-kesan.

a) Istilah-istilah yang akan digunakan

Sebelum membicarakan *Axial Coding*, akan diuraikan terlebih dahulu pengertian beberapa istilah yang dipergunakan dalam operasionalisasi *Axial Coding*, yaitu:

- 1) pengkodean berpaksi (*Axial Coding*) adalah satu set prosedur di mana data disatukan kembali secara baru setelah pengkodean terbuka, dengan membuat hubungan diantara kategori-kategori. Hal ini dilakukan dengan menggunakan model pengkodean yang meliputi keadaan, konteks, tindakan / strategi interaksi, dan akibat.
- 2) Keadaan Sebab-Akibat (*Causal Conditions*): Peristiwa, insiden, kejadian yang mengarah pada terjadinya atau perkembangan fenomena.
- 3) Fenomena (phenomenon): Gagasan utama, kejadian, peristiwa, kejadian mengenai satu set tindakan atau interaksi yang teratur atau berkaitan.
- 4) Konteks (*Context*): Seperangkat ciri khusus yang berkaitan dengan suatu fenomena, yaitu; lokasi peristiwa atau kejadian yang berkaitan dengan fenomena sepanjang rentang suatu dimensi. Konteks, mewakili satu siri keadaan tertentu yang didalamnya terdapat strategi interaksi / strategi tindakan yang diambil.
- 5) Keadaan yang mempengaruhi (*intervening Conditions*): Keadaan struktur yang membuat strategi tindakan / interaksi berlaku, yang berkaitan dengan fenomena. Keadaan-keadaan ini memudahkan atau menghalang strategi yang diambil dalam suatu konteks khusus.

b) Proses Pengkodean Berpaksi

Seperti telah diterangkan di muka pengkodean terbuka (*Open Coding*) memperincikan data sehingga membolehkan si penyelidik menyusun kategori, ciri-cirinya dan lokasi dimensinya. Pengkodean berpaksi (*Axial Coding*) menetapkan data-data itu kembali secara bersama dalam cara-cara yang baru dengan membuat hubungan di antara kategori dan subkategorinya. Di sini belum dibicarakan tentang hubungan beberapa kategori utama untuk membentuk rumusan teori yang menyeluruh (hal ini akan dibicarakan dalam pengkodean terpilih (*Selective Coding*), melainkan masih terbatas pada pembangunan suatu kategori, tetapi melebihi pembangunan ciri-ciri dan dimensinya.

Dalam *Axial Coding* fokus pembahasan dalam membuat tertentu / khusus suatu kategori dari segi keadaan-keadaan yang muncul, yaitu konteks (siri ciri-ciri yang khusus) yang berkaitan; tindakan atau strategi interaksi yang dilakukan dan dikendalikan; dan akibat dari strategi-strategi tersebut. Usaha mencari kekhususan / tujuan tersebut, (konteks, strategi dan akibat) adalah merupakan penyusunan sub-kategori. Sub-kategori pada hakikatnya juga merupakan kategori tetapi dilihat dari kekhususannya / spesifikasinya. Pada *Open Coding* telah bermula meletakkan data-data secara bersama-sama dalam suatu bentuk yang berkaitan. Walaupun *Open Coding* dan *Axial Coding* merupakan prosedur analisis yang berbeza, tetapi sebenarnya pada waktu si penyelidik melakukan proses analisis, ia boleh menggunakan salah satu alternatif dari kedua jenis *coding* tersebut.

Sebelum dibahas mengenai bagaimana membuat spesifikasi dari kategori melalui *Axial Coding*, beberapa perkara perlu diketahui, iaitu:

- 1) Ketika melakukan *Open Coding* berbagai-bagai kategori dikenalpasti. Contohnya, suatu kategori mempunyai kekhususan yang bersifat keadaan sementara kategori lain menunjukkan tindakan / strategi interaksi, kategori lain menunjukkan kesimpulan dari tindakan / strategi interaksi.
- 2) Label-label konsep yang ada tidak harus selalu ditempatkan pada kategori keadaan, strategi dan akibat. Tetapi apabila memang menghadapi fenomena atau peristiwa yang boleh dibezakan seperti itu sebaiknya dilakukan penyusunan subkategori seperti itu, misalnya: Ada subjek yang sakit / mengalami sakit (keadaan), subjek tadi mengalami demam (fenomena), lalu ia amoxilin (strategi), setelah beberapa saat ia merasa baik (akibat). Sehingga tersusun tiga sub-kategori iaitu sub-kategori keadaan, fenomena, strategi dan akibat.
- 3) Dengan tersusunnya subkategori-subkategori, maka dapat disusun ciri-ciri seperti tempoh, tingkatan dan intensitas. Dari tempoh, tingkatan dan intensiti ini dapat ditentukan lokasi dimensinya dan lokasi dimensi ini berkaitan dengan penyusunan teori.
- 4) Dalam *Axial Coding*, sub-kategori tersebut dihubungkan dengan kategori-kategori melalui sebuah model yang disebut sebagai "*model hubungan*".


Selanjutnya akan diuraikan tentang "Model Hubungan" dan contohnya. Dalam *Grounded Theory*, sub-kategori dihubungkan dengan suatu kategori dalam satu set hubungan yang menunjukkan keadaan sebab akibat, fenomena, konteks, keadaan-keadaan yang mempengaruhi, tindakan / strategi interaksi, dan akibat. Model Hubungan tersebut dapat digambarkan sebagai berikut:

**(A) KEADAAN SEBAB AKIBAT → (B) FENOMENA →
(C) KONTEKS → (D) KEADAAN YANG MEMPENGARUHI →
(E) TINDAKAN / STRATEGI INTERAKSI → (F) KESAN/AKIBAT**


Kesemua sub-kategori ini dijelaskan sebagai berikut:

1) Keadaan Sebab Akibat

Istilah ini membawa kepada peristiwa atau kejadian yang menyebabkan terjadinya atau perkembangan suatu fenomena. Sebagai misal, apabila kita tertarik dengan fenomena rasa sakit, kita mungkin menemukan bahwa rasa sakit itu disebabkan oleh kaki patah atau sakit gout. Kejadian seperti itu menyebabkan atau membawa pengalaman rasa sakit. Dengan "Model Hubungan", pengalaman rasa sakit dapat digambarkan sebagai berikut:



Selanjutnya kita dapat lebih spesifik mendiskripsikan keadaan sebab akibat kaki patah, iaitu mengenalpasti ciri-cirinya dan lokasi dimensional dari ciri-ciri tersebut sehingga digambarkan dalam diagram sebagai berikut:



2) Fenomena


Fenomena adalah idea utama, kejadian, peristiwa, tentang satu set tindakan / interaksi atau yang teratur, atau berkaitan. Untuk mengenalpasti fenomena dilakukan dengan mengajukan soalan: “Data ini merujuk kepada perkara apa?”, “Tindakan atau interaksi itu tentang hal apa?”.

3) Konteks

Sebuah konteks mewakili siri ciri khusus yang berkaitan dengan fenomena, iaitu lokasi kejadian yang berkaitan dengan fenomena sepanjang rentang dimensional. Konteks pada masa yang sama juga merupakan satu set keadaan khusus yang di dalamnya terdapat tindakan / strategi interaksi digunakan untuk mengatur, mengendalikan, menjalankan dan bertindak balas fenomena khusus.

Untuk menjelaskan masalah konteks ini mari kita kembali pada contoh kaki patah. Kaki patah menunjuk rasa sakit. Apabila kita hanya mengetahui hal itu saja atau apabila pengetahuan kita terbatas pada hal itu saja maka kita mengalami kesukaran untuk mengubatinnya. Kita harus mengetahui sebab-sebabnya sehingga kaki menjadi patah, demikian selok belok rasa sakitnya agar dapat ditangani. Demikian pula dengan kaki yang patah, kita perlu mengetahui secara khusus kapan kaki itu patah, bagaimana patahnya iaitu jumlah dan jenis keretakannya. Berkenaan rasa sakit, kita perlu tahu bahagian mana yang lebih serius rasa sakitnya, bagaimana kronologisnya, tempohnya, lokasi, kepentingannya dan lain sebagainya.

Hal tersebut apabila disusun dan digambarkan dalam diagram seperti berikut:



Konteks Menangani Rasa Sakit

Dalam keadaan dimana rasa sakit:

Terus menerus, intensiti tinggi, berada di kaki bagian bawah, lebih awal dirasakan, dan bantuan didapatkan segera.

Ciri Kaki Patah

- Keretakan yang banyak
- Keretakan ganda
- Adanya rasa sakit
- Patah dua jam lalu
- Jatuh di hutan

Dimensi Khusus dari Rasa Sakit

- | | |
|------------------------|-------------------|
| intensiti | tinggi |
| tempoh | terus menerus |
| lokasi | kaki bagian bawah |
| kronologi | lebih awal |
| bantuan yang diperoleh | menunggu lama |
| potensi adanya kesan | tinggi |

Konteks Menangani Rasa Sakit

Keadaan di mana sakit adalah:

- Intensiti tinggi, terus menerus, berlokasi di kaki bagian bawah, lebih awal dirasakan, bantuan didapatkan lama, dan potensi kesan tinggi.

Strategi untuk Menangani Sakit

- Membalut kaki
- Pergi untuk meminta bantuan kecemasan
- Menjaga agar orang itu supaya selamat

Keadaan Intervening

- Kurang terlatih pada pertolongan pertama
- Tidak ada selimut
- Jaraknya jauh untuk meminta bantuan

6) *Kesan/akibat*

Tindakan atau interaksi telah diambil untuk bertindak balas kepada atau berurusan dengan fenomena yang akan mendapat hasil atau akibat. Ini mungkin tidak selalu boleh dijangka. Kegagalan untuk mengambil tindakan atau interaksi juga mendapat hasil atau akibat yang negatif walaupun mungkin.

Akibatnya mungkin sebenar tetapi juga potensi, boleh berlaku pada masa kini atau masa akan datang. Akibat daripada satu set tindakan yang boleh menjadi sebahagian daripada konteks atau berselang keadaan yang memberi kesan kepada set tindakan / interaksi seterusnya.

Contoh patah kaki yang dialami di dalam hutan, dan dia bersama-sama dengan rakan-rakan yang telah menerima latihan dalam pertolongan pertama, kemudian rakan-rakannya menyokong kaki, dibungkus, kemudian pergi untuk bantuan. Akibat daripada strategi tindakan itu boleh mengurangkan kesakitan.

Pengekodan Terpilih (*Selective Coding*)

Adalah proses pemilihan kategori teras, menghubungkan secara sistematik ke kategori-kategori lain, melakukan pengesahan hubungan-hubungan tersebut, dan dimasukkan ke dalam kategori-kategori yang diperlukan lebih banyak untuk perbaikan dan pembangunan.

a) *Istilah-istilah yang digunakan*

Sebelum huraian tentang *Selective Coding*, dikemukakan beberapa definisi istilah yang digunakan dalam penjelasan tentang *Selective Coding*, iaitu:

- 1) Cerita: Naratif deskriptif mengenai fenomena utama dari suatu kajian lapangan
- 2) Jalan Cerita: Konseptualisasi cerita. Ini merupakan kategori teras.
- 3) Pengkodan terpilih: Proses memilih kategori teras, sistematik menghubungkannya dengan kategori lain yang perlu penambahbaikan dan pengembangan lebih lanjut.
- 4) Kategori Teras: Fenomena teras dari semua kategori lain yang terintegrasikan (Strauss & Corbin, 1990: 116).

b) *Proses Pengodean*

Dalam huraian tentang Proses pengkodan masalah Cerita (*Story*) dan Jalan Cerita (*Story Line*) tidak dihuraikan kerana sudah bersepadu dalam huraian Proses pengkodan. Tujuan dari *Selective Coding* adalah mengintegrasikan kategori untuk membentuk sebuah *grounded theory*. Pengintegrasian kategori pada dasarnya tidak banyak berbeza dengan *Axial Coding*, hanya dalam melakukan analisis, tahap keabstrakannya lebih tinggi. Sebenarnya dalam *Axial Coding* dibina asas atau penanda aras bagi *Selective Coding*. Dengan telah dilakukan *Axial Coding* kategori telah disusun berdasarkan ciri-ciri dan dimensi-dimensinya, yang tersusun dalam “Model Hubungan”, sehingga memberikan kepadatan dan kekayaan kepada kategori.

Selanjutnya boleh disusun konsep-konsep dengan menyambung kategori-kategori berdasarkan soalan: “Apa yang sedang dikaji?, Apa yang dijumpai?, Kesimpulan apa yang dapat ditarik?” Daripada konsep-konsep yang disusun dengan menggunakan asas soalan-soalan tersebut akan dihasilkan *grounded theory*.

KESIMPULAN

Reka bentuk kajian GT merupakan satu set prosedur yang digunakan untuk menyusun sebuah teori yang menjelaskan sebuah proses mengenai sebuah topik substantif. Kajian GT sesuai digunakan dalam rangka menjelaskan fenomena, proses atau merumuskan teori yang umum tentang sebuah fenomena yang tidak boleh dijelaskan dengan teori yang ada. secara umum, kaedah ini mempunyai enam ciri-ciri kunci. Pertama, fokus kajian diarahkan pada proses yang berkaitan dengan sebuah topik substantif. Kedua, penjaringan data (yang dilakukan secara serentak dengan analisis data) dilakukan dengan menggunakan penyampelan teorinya. Ketiga, analisis data dilakukan dalam tiga tahap-pengekodan terbuka, pengkodan aci, dan pengkodan selektif-sambil melaksanakan perbandingan konstan dan membuat pertanyaan tentang data-data yang diperolehi. Keempat, sewaktu menganalisis data untuk memunculkan kategori-kategori, sebuah kategori teras dikenalpasti. Kelima, kategori teras yang dikenal pasti kemudian dikembangkan dan dirumuskan menjadi teori. Selama melakukan penyelidikan, penyelidik membuat catatan-catatan (memo) untuk menghuraikan idea-idea yang berkaitan dengan data dan kategori-kategori yang dicipta. Prosedur pelaksanaan penyelidikan GT yang menyeluruh sukar

dilakukan memandangkan reka bentuk GT yang cukup berbeza-beza. Walaupun demikian, sebagai gambaran, langkah-langkah kajian reka bentuk sistematik, dapat disusun dalam enam langkah: perumusan masalah, jaringan data, analisis data, penyusunan teori, pengesahan teori, dan penulisan laporan.

RUJUKAN

- Strauss, A. & Corbin, J. (1990). *[Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques](#)*. California: Sage.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1994). "Grounded theory methodology: an overview". In: Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (eds.), *[Handbook of Qualitative Research](#)*, pp. 273-285. London; Thousand Oaks: Sage.
- Diesing, P. (1971). *Patterns of Discovery in the Social Sciences*. Chicago: Aldine-Atherton.